



28 Ogos 2018
28 August 2018
P.U. (A) 205

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (PENENTUAN
NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI) 2018

*SALES TAX (DETERMINATION OF SALE VALUE OF
TAXABLE GOODS) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN
(PENENTUAN NILAI JUALAN BARANG BERCUKAI) 2018

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Nilai urus niaga sebagai asas utama dalam penentuan nilai jualan
4. Turutan pemakaian nilai bagi menentukan nilai jualan
5. Nilai urus niaga barang yang sama sebagai nilai jualan
6. Nilai urus niaga barang yang serupa sebagai nilai jualan
7. Nilai campuran sebagai nilai jualan
8. Nilai tolakan sebagai nilai jualan
9. Penilaian anjal dibenarkan

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN (PENENTUAN NILAI JUALAN BARANG
BERCUKAI) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 106(2)(c) Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2018.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bantuan”, berhubung dengan barang bercukai yang dinilai, ertinya nilai mana-mana barang dan perkhidmatan yang berikut yang dibekalkan, secara langsung atau secara tidak langsung, oleh pembeli secara percuma atau pada kos terkurang untuk digunakan berkaitan dengan pengilangan atau penjualan barang bercukai yang dinilai itu, yang dibahagikan kepada barang bercukai yang dinilai itu dengan cara yang munasabah dan mengikut prinsip perakaunan diterima umum:

(a) bahan, komponen, bahagian dan benda lain yang dimasukkan dalam barang bercukai yang dinilai itu;

(b) alat, dai, acuan dan benda lain yang digunakan dalam pengilangan barang bercukai yang dinilai itu;

(c) bahan yang digunakan dalam pengilangan barang bercukai yang dinilai itu;

- (d) kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka bentuk, pelan dan lakaran yang perlu bagi pengilangan barang bercukai yang dinilai itu; dan
- (e) kos, caj dan perbelanjaan yang berhubungan dengan pembungkusan, karton dan bekas dan penutup lain;

“barang yang sama”, berhubung dengan barang bercukai yang dinilai, ertinya barang yang dikilangkan yang—

- (a) sama dari semua segi, termasuk ciri fizikal, mutu dan reputasi, dengan barang bercukai yang dinilai kecuali perbezaan kecil dari segi rupa yang tidak menjejaskan nilai jualan barang yang dikilangkan itu; dan
- (b) dikilangkan oleh atau bagi pihak pengilang berdaftar,

tetapi tidak termasuk barang yang dikilangkan yang kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka bentuk, pelan atau lakaran yang digunakan berkaitan dengan pengilangan dan penjualan barang yang dikilangkan itu telah dibekalkan, secara langsung atau secara tidak langsung, oleh pembeli barang yang dikilangkan itu secara percuma atau pada kos terkurang;

“barang yang sama kelas atau jenis”, berhubung dengan barang bercukai yang dinilai, ertinya barang yang dikilangkan yang termasuk dalam sesuatu kumpulan atau julat barang yang dikilangkan yang dihasilkan oleh sesuatu industri atau sektor industri tertentu dan termasuklah barang yang sama atau barang yang serupa;

“barang yang serupa”, berhubung dengan barang bercukai yang dinilai, ertinya barang yang dikilangkan yang—

- (a) hampir menyerupai barang bercukai yang dinilai itu berkenaan dengan bahan, komponen, bahagian dan ciri dan boleh ditukar ganti dari segi fungsinya dan secara komersial dengan barang bercukai yang dinilai itu

dengan mengambil kira mutu dan reputasi barang yang dikilangkan itu dan barang bercukai yang dinilai itu; dan

(b) dikilangkan oleh atau bagi pihak pengilang berdaftar,

tetapi tidak termasuk barang yang dikilangkan yang kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka bentuk, pelan atau lakaran yang digunakan berkaitan dengan pengilangan dan penjualan barang yang dikilangkan itu telah dibekalkan, secara langsung atau secara tidak langsung, oleh pembeli barang yang dikilangkan itu secara percuma atau pada kos terkurang;

“harga yang baginya barang bercukai yang dinilai itu sebenarnya dijual” ertinya agregat semua amaun yang dibayar atau kena dibayar oleh pembeli kepada atau bagi faedah pengilang berdaftar berkenaan dengan barang bercukai yang dinilai itu;

“maklumat yang mencukupi”, berhubung dengan penentuan apa-apa amaun, perbezaan atau pelarasan, ertinya maklumat yang objektif dan boleh ditentukan kuantitinya yang jelas menunjukkan ketepatan amaun, perbezaan atau pelarasan itu.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, nilai yang ditentukan di bawah peraturan 3, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9 hendaklah termasuk apa-apa amaun duti eksais, sekiranya ada, yang telah dibayar atau kena dibayar.

(3) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

(a) seseorang disifatkan sebagai mempunyai kaitan dengan seseorang yang lain jika—

(i) mereka ialah pegawai atau pengarah perniagaan satu sama lain;

(ii) mereka diiktiraf secara sah sebagai pekongsi dalam perniagaan;

- (iii) seseorang lain secara langsung atau secara tidak langsung mempunyai, mengawal atau memegang lima peratus atau lebih saham atau syer pengundian diterbitkan bagi kedua-dua mereka;
 - (iv) seseorang daripada mereka secara langsung atau secara tidak langsung mengawal seorang yang satu lagi itu;
 - (v) mereka secara langsung atau secara tidak langsung dikawal oleh orang ketiga;
 - (vi) mereka bersama-sama secara langsung atau secara tidak langsung mengawal orang ketiga;
 - (vii) mereka adalah anggota keluarga yang sama; atau
 - (viii) seseorang daripada mereka merupakan pemegang amanah dalam suatu penyelesaian;
- (b) seseorang disifatkan sebagai anggota keluarga yang sama jika—
- (i) mereka mempunyai kaitan melalui pertalian darah dalam hubungan generasi ketiga;
 - (ii) mereka berkahwin antara satu sama lain atau jika seseorang berkahwin dengan seseorang yang mempunyai kaitan dalam hubungan generasi ketiga dengan seorang yang lain; atau
 - (iii) seseorang yang telah diangkat sebagai anak kepada seorang yang lain atau sebagai seorang anak kepada seseorang yang dalam hubungan generasi ketiga dengan orang yang lain;
- (c) seorang pemegang amanah dalam suatu penyelesaian adalah berkaitan jika —

- (i) seseorang lain dalam penyelesaian itu ialah seorang setlor;
- (ii) mana-mana orang adalah berkaitan dengan setlor yang disebut dalam subperenggan (c)(i); atau
- (iii) suatu pertubuhan yang diperbadankan adalah berkaitan dengan penyelesaian itu.

(4) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, jika tiada barang yang dikilangkan oleh atau bagi pihak pengilang berdaftar yang telah mengilang barang bercukai yang dinilai adalah barang yang sama atau barang yang serupa, barang yang telah dikilangkan oleh atau bagi pihak pengilang berdaftar yang berlainan dan yang selainnya adalah barang yang sama atau barang yang serupa hendaklah disifatkan sebagai barang yang sama atau barang yang serupa, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, caj bagi bunga yang dikenakan di bawah suatu perkiraan pembiayaan yang dibuat oleh pembeli dan yang berhubungan dengan pembelian barang bercukai yang dinilai tidak boleh dianggap sebagai sebahagian daripada nilai jualan dalam apa-apa keadaan jika—

- (a) caj itu dibezakan daripada harga yang baginya barang bercukai yang dinilai itu sebenarnya dijual;
- (b) barang bercukai yang dinilai itu sebenarnya dijual pada harga yang diisytiharkan sebagai harga yang baginya barang bercukai yang dinilai itu sebenarnya dijual; dan
- (c) pembeli itu, jika dikehendaki, boleh menunjukkan bahawa—
 - (i) perkiraan pembiayaan itu dibuat secara bertulis; dan

- (ii) kadar bunga yang dituntut tidak melebihi tahap bagi perkiraan itu yang dipakai di Malaysia dan pada masa pembiayaan itu diberikan.

Nilai urus niaga sebagai asas utama dalam penentuan nilai jualan

3. (1) Nilai jualan barang bercukai yang dinilai hendaklah ditentukan berdasarkan nilai urus niaga barang bercukai yang dinilai itu sebagai asas utama dalam penentuan nilai jualan, iaitu harga yang baginya barang bercukai yang dinilai itu sebenarnya dijual apabila dijual oleh pengilang berdaftar kepada pembeli.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), nilai urus niaga barang bercukai yang dinilai tidak terpakai jika—

(a) terdapat sekatan berkenaan dengan pelupusan atau penggunaan barang bercukai yang dinilai itu oleh pembeli, selain sekatan yang—

(i) dikenakan oleh undang-undang;

(ii) menghadkan kawasan geografi di mana barang bercukai yang dinilai itu boleh dijual semula; atau

(iii) tidak menjejaskan secara matannya nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu;

(b) penjualan barang bercukai yang dinilai itu atau harga yang baginya barang bercukai yang dinilai itu sebenarnya dijual adalah tertakluk kepada apa-apa syarat atau balasan yang nilai jualannya tidak boleh ditentukan;

(c) sebahagian daripada hasil apa-apa penjualan semula, pelupusan atau penggunaan barang bercukai yang dinilai itu oleh pembeli yang akan terakru, secara langsung atau secara tidak langsung, kepada pengilang berdaftar itu;

- (d) pembeli dan pengilang berdaftar mempunyai kaitan pada masa barang bercukai yang dinilai itu dijual;
- (e) barang bercukai yang dinilai itu digunakan atau dilupuskan oleh pengilang berdaftar selain dengan cara jualan; atau
- (f) pegawai cukai jualan yang hak mempunyai sebab untuk meragui kebenaran atau ketepatan nilai urus niaga itu.

Turutan pemakaian nilai bagi menentukan nilai jualan

4. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai tidak boleh ditentukan atas asas nilai urus niaga barang bercukai yang dinilai itu di bawah perenggan 3(2)(a), (b), (c), (e) atau (f), nilai jualan barang bercukai yang dinilai hendaklah ditentukan berdasarkan nilai dan mengikut turutan seperti yang berikut:

- (a) nilai urus niaga barang yang sama di bawah peraturan 5;
- (b) nilai urus niaga barang yang serupa di bawah peraturan 6;
- (c) nilai campuran barang bercukai yang dinilai di bawah peraturan 7; dan
- (d) nilai tolakan barang bercukai yang dinilai di bawah peraturan 8.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), nilai jualan barang bercukai yang dinilai hendaklah ditentukan berdasarkan asas nilai campuran barang bercukai yang dinilai itu sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan 7 jika—

- (a) nilai jualan barang bercukai yang dinilai tidak boleh ditentukan atas asas nilai urus niaga barang bercukai yang dinilai itu di bawah perenggan 3(2)(d); atau
- (b) pengilang berdaftar mengilang barang bercukai yang dinilai itu yang

dipunyai seseorang berdasarkan suatu perjanjian yang dibuat dengan orang itu bahawa barang bercukai yang dinilai itu, selepas dikilangkan, hendaklah dilupuskan kepada orang itu atau atas arahan orang itu,

dan turutan yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) hingga (b) hendaklah tidak terpakai.

(3) Bagi maksud subperaturan (2), jika nilai campuran barang bercukai yang dinilai tidak boleh menjadi asas untuk menentukan nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu, pegawai cukai jualan yang hak boleh menentukan nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu mengikut peraturan 8.

(4) Jika pegawai cukai jualan yang hak berpuas hati bahawa mana-mana satu daripada nilai yang dinyatakan dalam subperaturan (1), (2) atau (3) tidak boleh menentukan apa-apa amaun, perbezaan atau pelarasan berhubung dengan nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu oleh sebab kekurangan maklumat yang mencukupi, nilai tertentu itu tidak boleh digunakan sebagai asas penentuan nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu.

(5) Jika tiada nilai yang dinyatakan dalam subperaturan (1), (2) atau (3) boleh menjadi asas untuk menentukan nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu, pegawai cukai jualan yang hak boleh menentukan nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu mengikut peraturan 9.

Nilai urus niaga barang yang sama sebagai nilai jualan

5. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3) dan (4), jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai tidak boleh ditentukan di bawah peraturan 3, nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah nilai urus niaga barang yang sama berkenaan dengan jualan barang bercukai yang dinilai itu jika—

(a) nilai urus niaga itu ialah nilai jualan barang yang sama; dan

(b) barang yang sama itu dijual pada masa yang sama atau secara matannya adalah sama dengan barang bercukai yang dinilai itu dan telah dijual di bawah syarat yang berikut:

(i) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang sama atau secara matannya adalah sama dengan pembeli barang bercukai yang dinilai itu; dan

(ii) dalam kuantiti yang sama atau secara matannya adalah sama dengan barang bercukai yang dinilai itu.

(2) Jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu tidak boleh ditentukan di bawah subperaturan (1) kerana barang yang sama itu tidak dijual di bawah syarat yang diperihalkan dalam perenggan (1)(a) dan (b), hendaklah digantikan baginya barang yang sama yang dijual di bawah mana-mana syarat yang berikut:

(a) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang sama atau secara matannya adalah sama dengan pembeli barang bercukai yang dinilai itu tetapi dalam kuantiti yang berbeza daripada kuantiti barang bercukai yang dinilai itu dijual;

(b) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang berbeza daripada pembeli barang bercukai yang dinilai itu tetapi dalam kuantiti yang sama atau secara matannya adalah sama dengan kuantiti barang bercukai yang dinilai itu dijual; atau

(c) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang berbeza daripada pembeli barang bercukai yang dinilai itu dan dalam kuantiti yang berbeza daripada kuantiti barang bercukai yang dinilai itu dijual.

(3) Bagi maksud menentukan nilai jualan barang bercukai yang dinilai di bawah subperaturan (1) atau (2), nilai urus niaga barang yang sama hendaklah diselaraskan dengan menambah kepadanya atau menolak daripadanya, mengikut

mana-mana yang berkenaan, amaun untuk mengambil kira perbezaan dalam tahap dagangan pembeli barang yang sama itu dengan barang bercukai yang dinilai itu atau kuantiti barang yang sama itu dengan barang bercukai yang dinilai itu dijual atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika nilai urus niaga itu adalah berkenaan dengan barang yang sama yang dijual di bawah mana-mana satu daripada syarat yang diperihalkan dalam perenggan (2)(a), (b) atau (c), jika setiap amaun boleh, pada pendapat pegawai cukai jualan yang hak, ditentukan atas asas maklumat yang mencukupi.

(4) Jika berhubung dengan barang bercukai yang dinilai itu, terdapat dua nilai urus niaga atau lebih bagi barang yang sama itu yang memenuhi semua kehendak yang dikenakan di bawah subperaturan (1), (2) atau (3), nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah ditentukan atas asas nilai urus niaga itu yang terendah.

Nilai urus niaga barang yang serupa sebagai nilai jualan

6. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), (3) dan (4), jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai tidak boleh ditentukan di bawah peraturan 5, nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah nilai urus niaga barang yang serupa berkenaan dengan jualan barang bercukai yang dinilai itu jika—

- (a) nilai urus niaga itu ialah nilai jualan barang yang serupa; dan
- (b) barang yang serupa itu dijual pada masa yang sama atau secara matannya adalah sama dengan barang bercukai yang dinilai itu dan telah dijual di bawah syarat yang berikut:
 - (i) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang sama atau secara matannya adalah sama dengan pembeli barang bercukai yang dinilai itu; dan
 - (ii) dalam kuantiti yang sama atau secara matannya adalah sama dengan barang bercukai yang dinilai itu.

(2) Jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu tidak boleh ditentukan di bawah subperaturan (1) kerana barang yang serupa itu tidak dijual di bawah syarat yang diperihalkan dalam perenggan (1)(a) dan (b), hendaklah digantikan baginya barang yang serupa yang dijual di bawah mana-mana syarat yang berikut:

- (a) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang sama atau secara matannya adalah sama dengan pembeli barang bercukai yang dinilai itu tetapi dalam kuantiti yang berbeza daripada kuantiti barang bercukai yang dinilai itu dijual;
- (b) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang berbeza daripada pembeli barang bercukai yang dinilai itu tetapi dalam kuantiti yang sama atau secara matannya adalah sama dengan kuantiti barang bercukai yang dinilai itu dijual; atau
- (c) kepada seseorang pembeli pada tahap dagangan yang berbeza daripada pembeli barang bercukai yang dinilai itu dan dalam kuantiti yang berbeza daripada kuantiti barang bercukai yang dinilai itu dijual.

(3) Bagi maksud menentukan nilai jualan barang bercukai yang dinilai di bawah subperaturan (1) atau (2), nilai urus niaga barang yang serupa hendaklah diselaraskan dengan menambah kepadanya atau menolak daripadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun untuk mengambil kira perbezaan dalam tahap dagangan pembeli barang yang serupa itu dengan barang bercukai yang dinilai itu atau kuantiti barang yang serupa itu dengan barang bercukai yang dinilai itu dijual atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika nilai urus niaga itu adalah berkenaan dengan barang yang serupa yang dijual di bawah mana-mana satu daripada syarat yang diperihalkan dalam perenggan (2)(a), (b) atau (c), jika setiap amaun boleh, pada pendapat pegawai cukai jualan yang hak, ditentukan atas dasar maklumat yang mencukupi.

(4) Jika berhubung dengan barang bercukai yang dinilai itu, terdapat dua nilai urus niaga atau lebih bagi barang yang serupa itu yang memenuhi semua kehendak yang dikenakan di bawah subperaturan (1), (2) atau (3), nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah ditentukan atas asas nilai urus niaga itu yang terendah.

Nilai campuran sebagai nilai jualan

7. (1) Tertakluk kepada subperaturan 4(1), 4(2) dan 4(3), jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai tidak boleh ditentukan di bawah peraturan 6, nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah nilai campuran berkenaan dengan barang bercukai yang dinilai itu.

(2) Nilai campuran barang bercukai yang dinilai itu ialah agregat amaun yang bersamaan dengan—

(a) kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung berkenaan dengan, atau nilai—

(i) bahan yang digunakan dalam mengilang barang bercukai yang dinilai itu; dan

(ii) pengilangan atau pemprosesan lain barang bercukai yang dinilai itu, ditentukan berdasarkan—

(A) akaun komersial pengilang berdaftar bagi barang bercukai yang dinilai itu; atau

(B) apa-apa maklumat lain yang mencukupi yang berhubungan dengan pengilangan barang bercukai yang dinilai itu,

yang dibekalkan oleh atau bagi pihak pengilang berdaftar dan disediakan dengan cara yang selaras dengan prinsip perakaunan diterima umum; dan

(b) amaun yang ditentukan mengikut subperaturan (4), bagi keuntungan dan perbelanjaan am, yang kedua-duanya diambil kira secara keseluruhan, yang ditunjukkan secara amnya dalam jualan barang yang sama kelas atau jenis dengan barang bercukai yang dinilai itu, yang dibuat atau ditanggung oleh pengilang berdaftar yang daripadanya pembeli membeli barang bercukai yang dinilai itu pada masa barang bercukai yang dinilai itu dijual kepadanya.

(3) Kos, caj dan perbelanjaan yang dinyatakan di bawah perenggan (2)(a) hendaklah termasuk, tanpa menghadkan keluasan yang terdahulu—

(a) nilai bantuan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah subperaturan 2(1);

(b) kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pengilang berdaftar berkenaan dengan kejuruteraan, kerja pembangunan, kerja seni, kerja reka bentuk, pelan atau lakaran yang dibekalkan, secara langsung atau secara tidak langsung, oleh pembeli barang bercukai yang dinilai itu bagi kegunaan berkaitan dengan pengilangan dan penjualan barang bercukai yang dinilai itu; dan

(c) royalti dan fi lesen termasuk bayaran paten, cap dagangan dan hak cipta berkenaan dengan barang bercukai yang dinilai itu yang mesti dibayar oleh pengilang berdaftar, secara langsung atau secara tidak langsung.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “perbelanjaan am” ertinya kos, caj dan perbelanjaan yang langsung dan tidak langsung dalam pengilangan dan penjualan barang bercukai yang dinilai itu selain kos, caj dan perbelanjaan yang disebut dalam perenggan (2)(a) dan subperaturan (3).

(5) Amaun keuntungan dan perbelanjaan am yang disebut dalam perenggan (2)(b) hendaklah dihitung atas asas peratusan dan ditentukan atas asas maklumat yang mencukupi yang disediakan oleh atau bagi pihak pengilang berdaftar barang bercukai yang dinilai itu yang disediakan dalam cara yang selaras dengan prinsip perakaunan diterima umum.

(6) Bagi maksud subperaturan (5), jika maklumat yang dibekalkan oleh atau bagi pihak pengilang berdaftar barang bercukai yang dinilai itu tidak mencukupi, pegawai cukai jualan yang hak boleh menjalankan suatu pemeriksaan ke atas jualan terhadap kumpulan atau julat yang paling terhad mengenai barang yang sama kelas atau jenis dengan barang bercukai yang dinilai itu yang daripadanya maklumat yang mencukupi, pada pendapat pegawai cukai jualan yang hak itu, boleh diperoleh.

Nilai tolakan sebagai nilai jualan

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan 4(1), 4(2) dan 4(3), jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu tidak boleh ditentukan di bawah peraturan 7, nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah nilai tolakan berkenaan dengan barang bercukai yang dinilai itu.

(2) Jika barang bercukai yang dinilai itu atau barang yang sama atau barang yang serupa dijual oleh pembeli dalam keadaan yang barang yang sama atau barang yang serupa itu dijual pada masa yang sama atau secara matannya adalah sama dengan masa penjualan barang bercukai yang dinilai itu, nilai tolakan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah harga bagi setiap unit yang berkenaan dengan jualan yang diperihalkan dalam subperaturan (5), ditentukan mengikut subperaturan (5) itu dan diselaraskan mengikut subperaturan (6), pada kadar bilangan unit terbanyak barang bercukai yang dinilai itu atau barang yang sama atau barang yang serupa itu dijual sedemikian.

(3) Jika barang bercukai yang dinilai itu atau barang yang sama atau barang yang serupa itu dijual oleh pembeli selepas dibungkus atau diproses selanjutnya, nilai tolakan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah harga bagi setiap unit yang berkenaan dengan jualan yang diperihalkan dan ditentukan dalam subperaturan (5)

dan diselaraskan mengikut subperaturan (6), pada kadar bilangan unit terbanyak barang bercukai yang dinilai itu atau barang yang sama atau barang yang serupa itu dijual.

(4) Bagi maksud subperaturan (2) dan (3), harga bagi setiap unit berkenaan dengan apa-apa barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa hendaklah ditentukan dengan menentukan harga unit yang berkenaan dengan urus niaga penjualan barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu, yang pertama selepas penjualannya kepada orang yang—

- (a) tidak mempunyai kaitan dengan pembeli itu pada masa barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu dijual kepada mereka; dan
- (b) tidak membekalkan, secara langsung atau secara tidak langsung, secara percuma atau pada kos terkurang bagi kegunaan berkaitan dengan pengilangan dan penjualan barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu atau perkhidmatan yang merujuk kepada royalti dan fi lesen termasuk bayaran bagi paten, cap dagangan dan hak cipta berkenaan dengan barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu yang mesti dibayar oleh pembeli, secara langsung atau secara tidak langsung,

pada kadar bilangan unit terbanyak barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu dijual jika, pada pendapat pegawai cukai jualan yang hak, bilangan penjualan sedemikian yang mencukupi telah dibuat bagi membolehkan harga bagi setiap unit barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu ditentukan.

(5) Bagi maksud subperaturan (2) dan (3), harga bagi setiap unit berkenaan dengan apa-apa barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa hendaklah diselaraskan dengan menolak daripadanya suatu amaun bersamaan dengan agregat—

- (a) suatu amaun, yang ditentukan mengikut subperaturan (6), yang bersamaan dengan amaun keuntungan dan perbelanjaan am, termasuk segala kos pemasaran barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu, yang kedua-duanya diambil kira secara keseluruhan, yang ditunjukkan secara amnya atas dasar suatu unit yang berkaitan dengan jualan barang yang sama kelas atau jenis dengan barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu;
- (b) kos, caj dan perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung berkenaan dengan pengangkutan dan insurans barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu dan kos, caj dan perbelanjaan yang munasabah yang berkaitan dengannya jika amaun bagi kos, caj dan perbelanjaan sedemikian tidak ditolak berkenaan dengan perbelanjaan am di bawah perenggan (a);
- (c) apa-apa cukai dan duti lain yang kena dibayar disebabkan oleh pengilangan barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu, jika suatu amaun bagi cukai dan duti itu tidak ditolak berkenaan dengan perbelanjaan am di bawah perenggan (a); dan
- (d) jika subperaturan (3) terpakai, amaun nilai yang ditambah kepada barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu yang boleh disandarkan kepada pembungkusan atau proses selanjutnya barang bercukai yang dinilai atau barang yang sama atau barang yang serupa itu, jika amaun itu ditentukan pada pendapat pegawai cukai jualan yang hak atas asas maklumat yang mencukupi.

(6) Amaun yang diambil kira sebagai bersamaan dengan amaun bagi keuntungan dan perbelanjaan am yang disebut dalam perenggan (5)(a) hendaklah dihitung atas asas peratusan dan ditentukan atas asas maklumat yang mencukupi yang disediakan oleh atau bagi pihak pembeli barang bercukai yang dinilai itu yang disediakan dalam cara yang selaras dengan prinsip perakaunan diterima umum.

(7) Bagi maksud subperaturan (6), jika maklumat yang diberikan oleh atau bagi pihak pembeli barang bercukai yang dinilai itu tidak mencukupi, pegawai cukai jualan yang hak boleh menjalankan suatu pemeriksaan ke atas jualan kumpulan atau julat yang paling terhad barang yang sama kelas atau jenis dengan barang bercukai yang dinilai itu yang daripadanya maklumat yang mencukupi, pada pendapat pegawai cukai jualan yang hak, boleh diperoleh.

Penilaian anjal dibenarkan

9. Jika nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu tidak boleh ditentukan di bawah peraturan 3 hingga 8, nilai jualan barang bercukai yang dinilai itu hendaklah ditentukan dengan menggunakan apa-apa cara yang munasabah dan selaras dengan prinsip perakaunan diterima umum.

Dibuat 28 Ogos 2018
[Perb. R.0.3865/356/1 JLD. 1 (SK 8); PN(PU2)751]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

SALES TAX (DETERMINATION OF SALE VALUE OF TAXABLE GOODS)
REGULATIONS 2018

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Transaction value as primary basis in the determination of sale value
4. Order of application of value to determine sale value
5. Transaction value of identical goods as sale value
6. Transaction value of similar goods as sale value
7. Computed value as sale value
8. Deductive value as sale value
9. Flexible valuation allowed

SALES TAX ACT 2018

SALES TAX (DETERMINATION OF SALE VALUE OF TAXABLE GOODS)
REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 106(2)(c) of the Sales Tax Act 2018 [Act 806], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Sales Tax (Determination of Sale Value of Taxable Goods) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2018.

Interpretation

2. (1) In these Regulations, unless the context otherwise requires—

